



Pengenalan

Cukai korporat dikenakan atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperolehi pendapatan:

- Di Malaysia dan
- Dari Luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut dan udara dan perbankan sahaja

Kesalahan

- Kegagalan syarikat mematuhi tanggungjawab akan mengakibatkan syarikat tertakluk kepada:

Kesalahan Jenayah

Kegagalan menghantar dan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu) di Borang Nyata Cukai Pendapatan

Kesalahan Sivil

Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan

Tanggungjawab Syarikat

- Hantar anggaran cukai secara **e-Filing** (e-CP204) atau borang kertas (CP204) ke Pusat Pemrosesan Maklumat LHDNM secara manual. Mulai Tahun Taksiran 2018, anggaran cukai perlu dihantar secara **e-Filing** (e-CP204)
- Bayaran Ansuran Syarikat (anggaran dibuat oleh syarikat)

Perkara	Syarikat Baharu	Syarikat Sedia Ada	Borang
Hantar Anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula Bayar	Bulan ke-6 tempoh asas	Bulan ke-2 tempoh asas	CP207
Tarikh Bayaran	Sebelum / pada 15 haribulan		CP207
Pinda Anggaran	Bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas		CP204A

Syarikat dormant tidak perlu hantar CP204

- Hantar Borang e-C secara **e-Filing** (termasuk syarikat dormant)
- Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207 sebelum / pada hari terakhir penghantaran Borang e-C (7 bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunan)
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM

Orang yang Bertanggungjawab

- Pengarah-pengarah Syarikat
- Setiausaha syarikat
- Pengurus atau pegawai utama
- Sesiapa sahaja yang menjalankan mana-mana fungsi di atas

Kadar Cukai Korporat

Jenis Syarikat	*T/T 2009 - 2015	*T/T 2016 - 2017
Modal berbayar sehingga RM 2.5 juta pada awal tempoh asas		
• Pendapatan bercukai RM 500,000 pertama	20 %	19%
• Pendapatan bercukai selebihnya	25 %	24%
Modal berbayar melebihi RM 2.5 juta pada awal tempoh asas	25 %	24%

*T/T = Tahun Taksiran

